




LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

**PELAN PENGURUSAN RISIKO
(PPR LPHS 01/2025)**

DISEDIAKAN OLEH UNIT KOMUNIKASI KORPORAT		
PERKARA	DISEMAK	DILULUSKAN
NAMA	NORMALIZA BINTI MD RAYIS, A.M.S., P.J.K.	MOHD HAFIZ BIN HASSAN, A.M.S.
JAWATAN	KETUA PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	TIMBALAN PENGARAH EKSEKUTIF
TANDATANGAN		
TARIKH	24/9/2025	25/09/2025

KANDUNGAN

1.0	MAKLUMAT KORPORAT	4
1.1	Latar Belakang	4
1.2	Tanggungjawab	4
1.3	Visi	4
1.4	Misi	4
1.5	Objektif	4
1.6	Fungsi	5
2.0	TERAS STRATEGIK	6
3.0	PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN	7
4.0	PENGURUSAN RISIKO	9
4.1	Definisi Risiko	9
4.2	Definisi Pengurusan Risiko	9
4.3	Jenis-Jenis Risiko	10
4.4	Proses Pengurusan Risiko	12
4.5	Had Penerimaan Risiko	17
4.6	Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko	18
5.0	INSIDEN RISIKO	20
5.1	Insiden Risiko Berdasarkan Teras Strategik	21
5.2	Insiden Risiko Yang Tidak Dijajarkan Dengan Teras Strategik	24
6.0	JADUAL PENILAIAN RISIKO	25
6.1	Teras 1: Pengukuhan Dan Pembentukan Dasar Pembangunan Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor	25
6.2	Teras 2: Pemantapan Mekanisme Pengagihan Rumah Dan Hartanah Kumpulan Sasaran	27
6.3	Teras 3: Pengukuhan Jalinan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Dan Swasta	29
6.4	Teras 4: Pembolehpayaan Komuniti Perumahan Yang Harmoni Dan Lestari	31
6.5	Teras 5: Penambahbaikan Berterusan Sistem Informasi Berkualiti	33
6.6	Teras 6: Pemerkasaan Sistem Tadbir Urus Dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan	35
6.7	Insiden Risiko Yang Tidak Dijajarkan Dengan Teras Strategik	39

7.0	STRATEGI KAWALAN RISIKO	40
7.1	Strategi Kawalan Risiko – Tinggi	40
7.2	Strategi Kawalan Risiko – Sederhana	42
7.3	Strategi Kawalan Risiko – Rendah	43
8.0	PENUTUP	56

1.0 MAKLUMAT KORPORAT

1.1 Latar Belakang

LPHS ditubuhkan melalui Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor yang diwartakan di bawah Warta Kerajaan Negeri Selangor Jilid 54 No. 26 bertarikh 26 Disember 2001. LPHS adalah suatu pertubuhan perbadanan (*body corporate*) Kerajaan Negeri Selangor yang boleh mendakwa dan didakwa.

Pejabat induk LPHS beroperasi di Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

1.2 Tanggungjawab

LPHS adalah organisasi di bawah Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor dan ia bertanggungjawab untuk memberi produk dan perkhidmatan perumahan dan hartanah kepada semua lapisan rakyat Negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya. Tanggungjawab ini dijalankan berdasarkan undang-undang, peraturan kerajaan, arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri atau Lembaga Pengarah LPHS yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

1.3 Visi

“Menjadi Peneraju Kepada Pembangunan Perumahan Dan Hartanah Yang Mampan Serta Lestari Di Negeri Selangor”.

1.4 Misi

- a) Memperluaskan akses kepada perumahan dan hartanah yang berkualiti serta mampu milik.
- b) Memantapkan mekanisme pengagihan dan pemilikan.
- c) Memperkasakan program pembangunan kualiti hidup komuniti.

1.5 Objektif

Objektif LPHS adalah untuk memastikan setiap keluarga mempunyai satu kediaman di Negeri Selangor. Justeru itu, bagi merealisasikan hasrat tersebut pembangunan perumahan dan hartanah di negeri Selangor perlu dilaksanakan secara holistik yang melibatkan aspek fizikal, ekonomi, sosial dan sebagainya.

1.6 Fungsi


LPHS melaksanakan fungsi berdasarkan Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001 seperti berikut:

- a) Memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai dasar-dasar, cara-cara dan kaedah-kaedah bagi menggalakkan dan memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah.
- b) Memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah secara am dan perumahan dan hartanah harga kawalan secara khususnya.
- c) Melaksanakan dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah Pihak Berkuasa Negeri.
- d) Membangun, menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, panduan-panduan, piawaian-piawaian dan kaedah-kaedah mengenai pembangunan pengurusan dan peruntukan perumahan awam serta perumahan dan hartanah harga kawalan.
- e) Melaksanakan peranan penyelarasan antara agensi untuk membolehkan kemajuan dan pelaksanaan perumahan dan hartanah secara pesat.
- f) Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan, pelaksanaan, pemasaran dan penjualan perumahan dan hartanah secara amnya dan bagi perumahan dan hartanah harga kawalan secara khususnya.
- g) Membolehkan penubuhan dan operasi tabung-tabung amanah dan untuk meletak hak harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti di tabung-tabung itu.
- h) Mengurus dan menjalankan pengendalian serta penyelenggaraan kawasan-kawasan perumahan termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat-tempat dan alat-alat di kawasan tersebut.
- i) Menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian serta pembangunan di dalam semua aspek perumahan dan hartanah dan secara khususnya mengenai perumahan awam serta perumahan dan hartanah harga kawalan.
- j) Mentadbir dan mengurus Kumpulan Wang.
- k) Menjadi pusat sumber dan maklumat untuk industri perumahan dan hartanah.
- l) Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2.0 TERAS STRATEGIK




3.0 PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN



Penglibatan pemegang taruh dalam proses pengurusan risiko akan membantu dalam:

- Pembentukan perancangan komunikasi;
- Penetapan konteks dapat dilakukan dengan lebih tepat;
- Memastikan kehendak pemegang taruh telah diberi perhatian dan dikenal pasti;
- Mengumpulkan bidang kepakaran yang berbeza dalam mengenal pasti dan menganalisis risiko;
- Memastikan pandangan yang berbeza diberi perhatian sewajarnya semasa mengelaskan risiko;
- Memastikan semua risiko telah dikenal pasti; dan
- Mendapat pengesahan dan sokongan pihak pengurusan tertinggi bagi tindakan kawalan.



4.0 PENGURUSAN RISIKO

4.1 Definisi Risiko

MS ISO 31000:2018 mendefinisi risiko sebagai suatu kejadian atau peristiwa yang memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah agensi. Risiko juga adalah kombinasi daripada kebarangkalian berlakunya kerosakan, kecederaan, kerugian atau kejadian negatif lain akibat kelemahan dalaman atau luaran yang boleh ditangani melalui perancangan awal.

Risiko yang wujud di LPHS merupakan suatu kejadian atau peristiwa yang memberi impak kepada kawalan perbelanjaan kewangan, pelaksanaan program dan projek yang memberi manfaat kepada rakyat serta boleh menjejaskan profesionalisme pengurusan sumber manusia sektor awam.

4.2 Definisi Pengurusan Risiko

Definisi Pengurusan Risiko dalam konteks LPHS merupakan pembentukan suatu sistem kawalan bagi menguruskan risiko yang boleh menjejaskan peranan LPHS sebagai peneraju perumahan dan hartanah yang mampan serta lestari ke arah membentuk komuniti yang berkualiti serta pelaksanaan tadbir urus yang cekap dan telus. Ianya juga merupakan pembentukan suatu sistem kawalan bagi menguruskan risiko yang boleh menjejaskan peluasan akses kepada perumahan dan hartanah yang berkualiti serta mampu milik, pemantapan mekanisme pengagihan dan pemilikan serta pemerkasaan program pembangunan kualiti hidup komuniti.

Pelan Pengurusan Risiko LPHS adalah berteraskan kepada Pelan Strategik LPHS 2012 – 2022. Pelan ini dibangunkan bagi tujuan mewujudkan strategi kawalan risiko yang akan berlaku dengan mengambil kira jangkaan insiden risiko yang boleh menjejaskan perkhidmatan teras Jabatan. Di samping itu, Pelan Pengurusan Risiko yang berteraskan Pelan Strategik ini merupakan rangka dan proses kerja yang membolehkan LPHS menguruskan risiko dengan cara yang berkesan dan sistematik.

Pengurusan risiko adalah penting kerana ianya dapat membantu Jabatan dalam membuat perancangan awal dan mengenalpasti implikasi risiko bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan matlamat LPHS tercapai. Setiap unit perlu mengenalpasti implikasi risiko sama ada secara positif atau negatif. Implikasi negatif membuka ruang kepada pengurusan risiko untuk mengenalpasti peluang yang ada serta pilihan alternatif yang perlu dilaksanakan bagi memastikan perancangan serta pelaksanaan program/aktiviti mencapai KPI yang ditetapkan.

4.3 Jenis-Jenis Risiko

LPHS mengkategorikan risiko kepada dua jenis seperti berikut:

a) Risiko Strategik

Risiko Strategik bermaksud tindakan, peristiwa atau keadaan yang memberi kesan negatif kepada pencapaian hala tuju atau objektif sesebuah organisasi, terutamanya disebabkan oleh penetapan dan pelaksanaan strategi yang kurang tepat, pengambilan keputusan yang salah, atau kegagalan untuk menghadapi perubahan dalam persekitaran perniagaan dan luaran. Contohnya termasuklah kesilapan dalam perancangan kewangan atau kegagalan mengantisipasi perubahan teknologi.

Elemen Utama RS merangkumi:

i. Penetapan dan Penerapan Strategi yang Kurang Tepat:

- Apabila strategi yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi tidak selaras dengan visi dan misinya, atau tidak dilaksanakan dengan berkesan.

ii. Pengambilan Keputusan yang Tidak Tepat:

- Keputusan perniagaan yang buruk atau tidak tepat boleh menjejaskan nilai dan kejayaan organisasi.

iii. Kegagalan Menghadapi Perubahan Luaran:

- Ketidakupayaan untuk mengantisipasi atau bertindak balas terhadap perubahan dalam teknologi, keadaan ekonomi, persaingan pasaran, atau perubahan dasar kerajaan boleh menimbulkan risiko strategik.

iv. Sumber Daya yang Tidak Memadai:

- Kekurangan atau salah guna sumber daya boleh menjejaskan keupayaan organisasi untuk mencapai objektifnya.

Antara contoh-contoh RS adalah:

i. Perubahan Teknologi:

- Jika sesebuah syarikat tidak mengadaptasi teknologi baharu, ia boleh tertinggal dan kehilangan kelebihan daya saing.

ii. Perubahan Ekonomi Makro:

- Keadaan ekonomi yang tidak menentu atau penurunan mendadak boleh memberi kesan besar kepada prestasi kewangan sesebuah organisasi.

iii. Dinamika Persaingan:

- Persaingan yang sengit dalam pasaran dan kemasukan pesaing baru boleh mengancam kedudukan sesebuah organisasi.

b) Risiko Operasi (RO)

RO merujuk kepada kemungkinan kerugian yang timbul daripada kegagalan atau kelemahan proses dalaman, kesilapan manusia, sistem yang tidak cekap, atau kejadian luar biasa yang boleh menjejaskan operasi sesebuah organisasi. Ia merangkumi pelbagai risiko seperti kesalahan dalam proses kerja, kesilapan kakitangan, masalah sistem komputer, atau kejadian tidak dijangka seperti bencana alam.

Aspek utama RO merangkumi:

i. Proses dalaman:

- Kekurangan atau kegagalan dalam prosedur dan proses kerja sedia ada, seperti proses kewangan, pengeluaran, atau perkhidmatan pelanggan.

ii. Manusia:

- Kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan atau kegagalan untuk mengikut prosedur yang ditetapkan.

iii. Sistem:

- Masalah yang timbul daripada kegagalan atau kelemahan dalam infrastruktur teknologi, sistem komputer, atau peralatan yang digunakan dalam operasi.

iv. Kejadian luar:


- Peristiwa yang berlaku di luar kawalan organisasi, seperti bencana alam, perubahan undang-undang, atau gangguan luaran yang lain.

Tujuan pengurusan RO adalah:

- i. Untuk mengenal pasti dan merekodkan peristiwa kerugian atau hampir-hampir berlaku.
- ii. Untuk merancang dan melaksanakan tindakan kawalan baharu atau penambahbaikan proses.
- iii. Untuk memastikan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah jelas bagi menangani isu risiko.
- iv. Untuk mengurangkan kerugian yang mungkin berlaku dan memastikan kelancaran operasi perniagaan.

4.4 Proses Pengurusan Risiko

Model pengurusan risiko yang diaplikasi dalam menganalisis risiko di LPHS adalah seperti berikut:



Lima tindakan utama telah diambil oleh LPHS bagi tujuan pengurusan risiko:

a) Penetapan Konteks dan Kriteria.

Penetapan konteks perlu bersasar dan berpandukan kepada prinsip dan rangka kerja bagi memastikan tahap keberkesanan berfokuskan kepada strategi, program dan aktiviti utama LPHS. Konteks dan kriteria risiko ditetapkan berdasarkan kepada Analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman) dan Analisis PESTEL (Politik, Ekonomi, Sosial, Teknologi, Lingkungan, dan Hukum).

b) Penilaian Risiko.

Penilaian risiko dibuat berdasarkan nilai kuantitatif atau kualitatif impak daripada kebarangkalian kejadian risiko yang ditentukan melalui tiga (3) proses seperti berikut:

i. Mengenalpasti Risiko

- LPHS telah mengenalpasti potensi dan impak terhadap risiko yang berkemungkinan berlaku melalui empat (4) kategori risiko seperti di Jadual 1. Indeks impak ini merupakan rujukan LPHS bagi menentukan tahap impak sesuatu insiden berlaku berdasarkan kepada beberapa faktor-faktor yang dikenal pasti yang akan mempengaruhi kelancaran pelaksanaan program-program LPHS.


Jadual 1
Indeks Impak LPHS

	SANGAT KECIL 1	KECIL 2	SEDERHANA 3	BESAR 4	SANGAT BESAR 5
MANUSIA	Memberi kesan terhadap kakitangan	Memberi kesan terhadap unit	Memberi kesan terhadap Bahagian	Memberi kesan terhadap Jabatan	Memberi kesan terhadap Negeri
REPUTASI	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati individu	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati kumpulan	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati organisasi	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati komuniti	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat
KEWANGAN	Kerugian sehingga 0.5% dari peruntukan jabatan	Kerugian sehingga 1.0% dari peruntukan jabatan	Kerugian sehingga 3.0% dari peruntukan jabatan	Kerugian sehingga 5.0% dari peruntukan jabatan	Kerugian sehingga 10.0% dari peruntukan jabatan
OPERASI	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh dilaksanakan (1 – 3 hari daripada plagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh dilaksanakan (4 – 7 hari daripada plagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh dilaksanakan (8 – 14 hari daripada plagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh dilaksanakan (> 14 hari daripada plagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan / pemantauan tidak dapat disempurnakan

ii. **Menganalisis Risiko**

- Analisis risiko yang telah dikenalpasti oleh LPHS adalah dengan mengambil kira potensi kejadian atau kebarangkalian risiko berlaku berdasarkan Jadual 2 di bawah.

Jadual 2
Indeks Kebarangkalian Risiko LPHS



iii. Mengkategorikan Risiko

- LPHS menyediakan matriks kebarangkalian/ impak seperti di Jadual 3 sebagai asas dalam membuat keputusan yang melibatkan perbandingan hasil analisis risiko dengan kriteria risiko yang ditetapkan. Matriks ini digunakan untuk menentukan tahap risiko bagi membolehkan keputusan dibuat oleh Pengurusan Tertinggi LPHS sama ada sesuatu risiko boleh diterima atau tidak. Pengukuran risiko ini akan memberi gambaran terhadap tahap perincian pelan tindakan strategi kawalan risiko yang perlu diambil oleh LPHS.

Jadual 3
Matriks Kebarangkalian/ Impak LPHS

		IMPAK					
		SANGAT KECIL	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR	
		1	2	3	4	5	
KEBARANGKALIAN	5	HAMPIR PASTI	5	10	15	20	25
	4	KEMUNGKINAN TINGGI	4	8	12	16	20
	3	ADA KEMUNGKINAN	3	6	9	12	15
	2	KEMUNGKINAN RENDAH	2	4	6	8	10
	1	JARANG	1	2	3	4	5

c) Penetapan Strategi Kawalan Risiko.

Penetapan strategi kawalan risiko dibuat bagi mengurangkan kebarangkalian atau mencegah berlakunya sesuatu insiden risiko di LPHS. Setiap insiden risiko haruslah mempunyai tindakan pencegahan bagi mengelakkan daripada risiko tersebut berlaku dan tindakan mitigasi bagi mengurangkan atau menerima insiden risiko yang telah berlaku.

LPHS melaksanakan strategi kawalan risiko melalui pelaksanaan beberapa kaedah seperti berikut:

i. Mengelak Risiko (*Avoid*)

- Langkah pencegahan sebelum fasa pelaksanaan untuk mengelakkan implikasi berkaitan.

ii. Memindah Risiko (*Transfer*)

- Risiko dipindahkan melalui peralihan kontrak daripada satu pihak ke pihak yang lain.

iii. Menerima Risiko (*Accept*)

- Melaksanakan sesuatu perkara untuk mendapatkan hasil yang lebih besar berbanding impak/ risiko yang telah dikenal pasti.

iv. Mengurang Risiko (*Reduce*)

- Pelaksanaan aktiviti bersesuaian dalam mengurangkan kebarangkalian atau/ dan impak terhadap insiden risiko.

d) Pemantauan Dan Pelaporan.

Pemantauan strategi kawalan risiko di LPHS dilaksanakan secara berterusan, Bagi menilai keberkesanan tindakan pencegahan atau mitigasi bagi setiap insiden risiko, pelaporan bagi setiap pemantauan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) dan seterusnya di peringkat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR) sebelum dibawa ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) LPHS.

e) Penambahbaikan dan Komunikasi.

LPHS melaksanakan penambahbaikan dan komunikasi pengurusan risiko untuk meningkatkan keupayaannya dalam mengurus risiko dengan lebih berkesan melalui saluran komunikasi yang jelas dan telus, memastikan semua pihak memahami risiko yang wujud, langkah mitigasi, dan peranan masing-masing dalam menguruskan risiko secara proaktif.

Penambahbaikan pengurusan risiko membantu LPHS mengenal pasti aspek-aspek dalam sistem pengurusan risiko yang perlu diperbaiki, seperti metodologi penilaian risiko, kawalan yang lemah, atau proses tindak balas yang tidak cekap, mengurangkan kemungkinan berlakunya kejadian tidak diingini dan meningkatkan keupayaan untuk menguruskan impak risiko yang berlaku, serta memastikan LPHS mematuhi standard dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan risiko seperti MS ISO 9001:2015.

Komunikasi pengurusan risiko di LPHS bertujuan memastikan semua pihak berkepentingan seperti warga kerja, pengurusan atasan dan pelanggan mengetahui dan memahami tentang risiko yang ada, strategi mitigasi, dan tanggungjawab masing-masing dalam menguruskan risiko, terutamanya apabila berlaku krisis.

4.5 Had Penerimaan Risiko

Petunjuk tahap dan skala risiko di LPHS adalah seperti di Jadual 4 di bawah yang mana berdasarkan Had Penerimaan Risiko di LPHS, ketetapan-ketetapan berikut telah diambil kira:


- Insiden-insiden risiko dalam skala 1 hingga 12 adalah risiko yang boleh diterima dan akan diuruskan dengan menggunakan mekanisma dan kaedah sedia ada.
- Insiden-insiden risiko dalam skala 13 hingga 25 adalah risiko yang tidak boleh diterima dan strategi kawalan yang sesuai akan dikenalpasti bagi insiden-insiden risiko berkenaan.

Jadual 4
Petunjuk Tahap dan Skala Risiko LPHS

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	HAD PENERIMAAN RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO & TINDAKAN
SANGAT TINGGI	13 – 25	Risiko tidak boleh diterima	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan
TINGGI	8 – 12	Risiko boleh diterima	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan LPHS
SEDERHANA	4 – 7	Risiko boleh diterima	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
RENDAH	1 – 3	Risiko boleh diterima	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada

4.6 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko


JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



Peranan Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR) LPHS:

- Memantau pelaksanaan risiko LPHS.
- Menilai dan menyemak risiko serta strategi kawalan risiko yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko.
- Menyemak dan meluluskan laporan risiko LPHS sekurang-kurangnya setahun sekali.

JAWATANKUASA PELAKSANA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



Peranan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) LPHS:

- Mengenal pasti dan mengklasifikasikan ancaman dan impak yang dihadapi oleh setiap bahagian dan unit.
- Memantau, menangani dan mengawal risiko bahagian dan unit.
- Mencadangkan penambahbaikan berkaitan pengurusan risiko LPHS.
- Mencadangkan langkah-langkah pengawalan terhadap risiko.

5.0 INSIDEN RISIKO

LPHS telah mengenal pasti insiden-insiden risiko berdasarkan kepada enam (6) Teras Strategik di bawah Pelan Strategik Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2012 – 2022. Ini bagi memastikan Pelan Pengurusan Risiko LPHS yang lebih menyeluruh dapat diwujudkan selari dengan Visi dan Misi serta meliputi semua perniagaan teras (*core business*) LPHS.

Sebanyak 17 insiden risiko baharu telah dikenal pasti berdasarkan kepada Teras Strategik berikut, di mana terdapat tiga (3) Insiden Risiko di bawah Teras 1, dua (2) di bawah Teras 2, dua (2) di bawah Teras 3, dua (2) di bawah Teras 4, tiga (3) di bawah Teras 5 dan lima (5) di bawah Teras 6. Manakala terdapat dua (2) Insiden Risiko yang tidak dijajarkan dengan Teras Strategik LPHS, menjadikan jumlah keseluruhan Insiden Risiko LPHS adalah 19.

Ringkasan insiden risiko di LPHS adalah seperti di Jadual 5 di bawah.

Jadual 5
Ringkasan Insiden Risiko LPHS

TAHAP RISIKO	SKALA RISIKO	TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4	TERAS 5	TERAS 6	TIADA TERAS	JUMLAH
SANGAT TINGGI	13 – 25	-	-	-	-	-	-	-	-
TINGGI	8 – 12	1	-	-	-	-	1	-	2
SEDERHANA	4 – 7	-	-	-	-	-	-	1	6
RENDAH	1 – 3	2	2	2	2	3	4	1	12
JUMLAH		3	2	2	2	3	5	2	19

5.1 Insiden Risiko Berdasarkan Teras Strategik

a) Teras 1: Pengukuhan Dan Pembentukan Dasar Pembangunan Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Kegagalan mewujudkan dasar/ polisi yang membantu menambah pendapatan organisasi.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Perancangan & Dasar/ Unit-unit lain yang berkaitan
2.	Tiada dana diperuntukkan/ dana diterima untuk program rejuvenasi dan pemulihan.	Risiko Strategik	Tinggi	Unit Senibina & Pemantauan Projek/ Unit Pengurusan Bangunan/ Unit Pembangunan Komuniti
3.	Penggubalan dasar dan polisi yang tidak relevan, tidak holistik dan tidak terkini.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Perancangan & Dasar/ Unit-unit lain yang berkaitan

b) Teras 2: Pemantapan Mekanisme Pengagihan Rumah Dan Hartanah Kumpulan Sasaran

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Tidak memenuhi peratusan permohonan yang layak memohon hartanah harga kawalan yang disediakan.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Senibina & Pemantauan Projek/ Unit Teknologi Maklumat/ Unit Penawaran & Kehidupan Bandar
2.	Tidak mencapai mekanisme pengagihan hartanah harga kawalan yang berkualiti kepada kumpulan sasar.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Teknologi Maklumat/ Unit Penawaran & Kehidupan Bandar/ Unit Perundangan/ Unit Penguatkuasaan/ Unit Komunikasi Korporat/ Unit Pentadbiran & Sumber Manusia

c) Teras 3: Pengukuhan Jalinan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Dan Swasta

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Tiada program kerjasama dua hala dibuat antara agensi Kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).	Risiko Strategik	Rendah	Unit Komunikasi Korporat/ Unit Penawaran & Kehidupan Bandar/ Unit Perundangan/ Unit Pembangunan Komuniti
2.	Penggunaan bajet secara maksimum dan tidak terkawal bagi semua program jalinan kerjasama.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Komunikasi Korporat/ Unit Pengurusan Bangunan/ Unit Pembangunan Komuniti

d) Teras 4: Pembolehpayaan Komuniti Perumahan Yang Harmoni Dan Lestari

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Penggunaan teknologi hijau tidak diaplikasikan dalam penyelenggaraan bangunan strata.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Pengurusan Bangunan/ Unit Kejuruteraan & Teknikal
2.	Gagal membentuk komuniti hartanah harga kawalan yang lestari, harmoni dan berdaya maju.	Risiko Strategik	Rendah	Unit Senibina & Pemantauan Projek/ Unit Pembangunan Komuniti/ Unit Pengurusan Bangunan

e) Teras 5: Penambahbaikan Berterusan Sistem Informasi Berkualiti

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Pencapaian kurang daripada 90% bagi perkhidmatan <i>end-to-end</i> yang diakses secara <i>online</i> .	Risiko Operasi	Rendah	Unit Teknologi Maklumat
2.	Teknologi digital dan penggunaan data tidak dimanfaatkan dan digunakan sepenuhnya bagi meningkatkan akurasi dan produktiviti.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Teknologi Maklumat
3.	Tiada peningkatan kemahiran digital di kalangan anggota kerja.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Pentadbiran & Sumber Manusia/ Unit Komunikasi Korporat/ Unit Teknologi Maklumat

f) Teras 6: Pemerkasaan Sistem Tadbir, Urus Dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Peratusan pencapaian jabatan terhadap keupayaan untuk pembiayaan sendiri adalah kurang daripada 90%.	Risiko Strategi	Tinggi	Semua unit
2.	Penjenamaan imej yang kurang dikenali dan menyakinkan.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Komunikasi Korporat/ Unit Integriti/ Unit Pentadbiran & Sumber Manusia
3.	Pelaksanaan proses dalaman yang lebih efisien dan telus tidak dapat dicapai.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Komunikasi Korporat/ Unit Pentadbiran & Sumber Manusia
4.	Aktiviti korporat tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kelemahan struktur organisasi jabatan.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Pentadbiran & Sumber Manusia/ Unit Kewangan/ Unit Perundangan
5.	Kelemahan dari segi pengetahuan, kemahiran dan hasil kualiti kerja yang dihasilkan oleh anggota kerja.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Pentadbiran & Sumber Manusia

5.2 Insiden Risiko Yang Tidak Dijajarkan Dengan Teras Strategik

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	UNIT
1.	Gangguan pengoperasian pusat data dan perkhidmatan ICT.	Risiko Operasi	Sederhana	Unit Teknologi Maklumat
2.	Kebocoran maklumat rahsia rasmi.	Risiko Operasi	Rendah	Unit Pentadbiran & Sumber Manusia

6.0 JADUAL PENILAIAN RISIKO

6.1 Teras 1: Pengukuhan Dan Pembentukan Dasar Pembangunan Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT	
					(a) MANUSIA	(b) REPUTASI	(c) KEWANGAN	(d) OPERASI					
STRATEGI 1: MENCAPAI PEWUJUDAN DASAR/ POLISI YANG MEMBANTU MENAMBAH PENDAPATAN ORGANISASI													
1.1.1	Mewujudkan dasar/ polisi yang membantu menambah pendapatan organisasi.	Kegagalan mewujudkan dasar/ polisi yang membantu menambah pendapatan organisasi.	1. Tiada penambahan pendapatan yang diperolehi daripada pewujudan dasar-dasar perumahan yang baharu. 2. Semakan dan kajian terhadap caj-caj sedia ada dan pengenalan caj-caj denda yang baru tidak dapat dilaksanakan kerana tiada dasar baru diwujudkan. 3. Penambahan aset hartanah harga kawalan adalah terhad berdasarkan kepada dasar Skim Smart Sewa sedia ada. 4. Pemerksaan aspek penguatkuasaan adalah terhadap dasar-dasar sedia ada sahaja.	2	1	-	1	-	1	1	2	Rendah	Unit Perancangan & Dasar/ Unit-unit lain yang berkaitan

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
STRATEGI 2: MENCAPAI PENINGKATAN DANA UNTUK PROGRAM REJUVENASI DAN PEMULIHAN												
1.2.1	Peningkatan dana untuk program rejuvenasi dan pemulihan.	Tiada dana diperuntukkan/ dana diterima untuk program rejuvenasi dan pemulihan.	1. Dana Tabung TEPAT semakin menurun/ terhad disebabkan tiada sumber dana diterima daripada pihak swasta/ agensi luar/ individu. 2. Tiada dana khas diwujudkan setiap tahun bagi pembangunan komuniti.	3	4	3	1	5	3.25	10	Tinggi	Unit Senibina & Pemantauan Projek/ Unit Pengurusan Bangunan/ Unit Pembangunan Komuniti
STRATEGI 3: MENCAPAI PENGUBALAN DASAR DAN POLISI YANG SENTIASA KEKAL RELEVAN, HOLISTIK DAN TERKINI												
1.3.1	Penggubalan dasar polisi yang sentiasa kekal relevan, holistik dan terkini.	Penggubalan dasar dan polisi yang tidak relevan, tidak holistik dan tidak terkini.	1. Penyediaan Blueprint Hartanah Harga Kawalan bagi tempoh 2023 – 2028 adalah tidak berdasarkan kepada dasar dan polisi yang terkini. 2. Skim-skim khas baru perumahan tidak dapat diwujudkan kepada golongan sasaran.	2	1	-	1	-	1	2	Rendah	Unit Perancangan & Dasar/ Unit-unit lain yang berkaitan

6.2 Teras 2: Pemantapan Mekanisme Pengagihan Rumah Dan Hartanah Kumpulan Sasaran

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
					(a) MANUSIA	(b) REPUTASI	(c) KEWANGAN	(d) OPERASI				
STRATEGI 1: MEMENUHI SEKURANG-KURANGNYA 60% DARI JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN YANG LAYAK MENDUDUKI HARTANAH HARGA KAWALAN												
2.1.1	Mencapai 60% daripada jumlah keseluruhan pemohon yang layak menduduki hartanah harga kawalan	Tidak mematuhi peraturan permohonan yang hartanah harga kawalan disediakan.	1. Lebihan baki unit hartanah harga kawalan yang siap dibina dalam tempoh sehingga 2025. 2. Analisa data permohonan hartanah harga kawalan mengikut lokaliti tidak dapat disediakan. 3. Memberi kesan terhadap perancangan pemulihan projek-projek terbengkalai bagi menampung ketidakcukupan unit hartanah harga kawalan.	1	-	-	-	1	1	1	Rendah	Unit Senibina & Pemantauan Projek/ Unit Teknologi Unit Maklumat/ Unit Penawaran & Kehidupan Bandar

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
					(a) MANUSIA	(b) REPUTASI	(c) KEWANGAN	(d) OPERASI				
STRATEGI 2: MENCAPAI PEMANTAPAN MEKANISMA PENGAGIHAN HARTANAH HARGA KAWALAN YANG BERKUALITI KEPADA KUMPULAN SASAR												
2.2.1	Pengagihan hartanah harga kawalan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran.	Tidak mencapai mekanisma pengagihan hartanah harga kawalan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran.	1. Kelemahan melaksanakan proses pengagihan hartanah harga kawalan tidak dibuat mengikut kumpulan sasaran. 2. Pengagihan hartanah harga kawalan tidak dibuat mengikut kelayakan kerana tiada kerjasama semua agensi yang terlibat. 3. Tindakan penguatkuasaan yang lemah menyebabkan kegagalan bagi membendung pelanggaran syarat/ dasar pematuhan hartanah harga kawalan. 4. Hebahan terhadap orang awam berkenaan maklumat/ informasi hartanah harga kawalan adalah tidak komprehensif.	2	-	1	-	1	1	2	Rendah	Unit Teknologi Maklumat/ Unit Penawaran & Kehidupan Bandar/ Unit Perundangan/ Unit Penguatkuasaan/ Unit Komunikasi Korporat/ Unit Pentadbiran & Sumber Manusia

6.3 Teras 3: Pengukuhan Jalinan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Dan Swasta

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)				IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
STRATEGI 1: MENCAPAI PENINGKATAN BILANGAN PROGRAM KERJASAMA DUA HALA ANTARA AGENSI KERAJAAN, SWASTA DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)															
3.1.1	Program kerjasama dua hala antara agensi Kerajaan, swasta dan NGO.	Tiada program kerjasama dua hala dibuat antara agensi Kerajaan, swasta dan NGO.	1. Kerenah birokrasi yang wujud dalam mengadakan hubungan kerjasama dua hala antara agensi menyebabkan kelewatan dan menyukarkan urusan yang sepatutnya boleh diselesaikan dengan lebih cepat dan efisien. 2. Agensi sukar untuk menjalinkan hubungan dua hala kerana peluang yang ada adalah sangat terhad. 3. Program-program kerjasama sedia ada tidak dapat diteruskan.	1	-	3	-	-	3	3	3	Rendah	Unit Komunikasi Korporat/ Unit Penawaran & Kehidupan Bandar/ Unit Perundangan/ Unit Pembangunan Komuniti		

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
					(a) MANUSIA	(b) REPUTASI	(c) KEWANGAN	(d) OPERASI				
STRATEGI 2: MENCAPAI PENGGUNAAN PERUNTUKAN SECARA MINIMUM UNTUK PROGRAM BERIMPAK TINGGI SECARA JALINAN KERJASAMA												
3.2.1	Menggunakan peruntukan yang minimum bagi melaksanakan program jalinan kerjasama yang memberi impak tinggi kepada jabatan.	Penggunaan secara maksimum dan tidak terkawal bagi semua program jalinan kerjasama.	1. Program komuniti dilaksanakan secara besar-besaran dengan menggunakan peruntukan yang maksimum. 2. Penggunaan kepakaran agensi luar yang melibatkan perkongsian idea-idea baharu telah menyebabkan jabatan mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi menampung kos-kos yang terlibat.	1	-	3	-	-	3	3	Rendah	Unit Komunikasi Korporat/ Unit Pengurusan Bangunan/ Unit Pembangunan Komuniti

6.4 Teras 4: Pembolehpayaan Komuniti Perumahan Yang Harmoni Dan Lestari

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
					(a) MANUSIA	(b) REPUTASI	(c) KEWANGAN	(d) OPERASI				
STRATEGI 1: MENCAPAI PENINGKATAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM PENYELENGGARAAN BANGUNAN												
4.1.1	Penggunaan teknologi hijau dalam penyelenggaraan bangunan	Penggunaan teknologi hijau tidak diaplikasikan dalam penyelenggaraan bangunan strata.	1. Penggunaan teknologi hijau adalah selaras dengan konsep pembangunan mapan. Tanpa teknologi ini, pembangunan yang berlaku mungkin tidak dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi masa depan, menyebabkan komuniti tidak dapat menikmati kualiti hidup yang optimum. 2. Program-program pengiktirafan terhadap penggunaan teknologi hijau tidak dapat dilaksanakan kepada pihak pemaju/ Pesuruhjaya Bangunan (COB)/ Badan Pengurusan Bersama (JMB).	1	3	-	-	-	3	3	Rendah	Unit Pengurusan Bangunan/ Unit Kejuruteraan & Teknikal

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN (K)	IMPAK RISIKO				IMPAK (I) (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO (KxI)	KOD TAHAP RISIKO	UNIT
